

21 AUG 2003

Sukan-Alex

SASARAN CREST JASERI RACING TEAM MENANGI MME

KUALA LUMPUR, 21 Ogos (Bernama) -- Pasukan Crest Jaseri Racing Team, yang dianggotai bekas pelumba Formula One Malaysia, Alex Yoong, sudah bersedia untuk meraih kejayaan dalam Perlumbaan Lasak Milenium Merdeka (MME) 2003 kali ini.

Selain Alex, pelumba lain dalam pasukan itu -- Datuk Mokhzani Mahathir dan Faizal Hakimi Jaafar -- akan memandu kereta Porsche 911 GT3 pada perlumbaan di Litar Antarabangsa Sepang (SIC) pada 30 Ogos ini.

Pasukan tersebut, yang menjalankan latihan bersama sejak beberapa bulan lepas, kini sudah sedia untuk menggabungkan kemahiran dan pengalaman masing-masing dalam usaha menjuarai perlumbaan itu.

"Saya gembira dan lebih yakin dengan kehadiran Alex dan Hakimi dalam pasukan ini, dan pengalaman mereka akan dapat membantu pasukan mencapai kecemerlangan," kata Mokhzani pada majlis pelancaran pasukan itu di sini hari ini.

"Anda semua tahu, Alex adalah pemandu Malaysia yang pertama dalam F1 manakala Hakimi adalah pemandu yang tidak asing lagi pada perlumbaan Formula Asia 2000."

Mokhzani sendiri juga adalah pemandu yang sentiasa bertanding dalam perlumbaan MME, dan menduduki tempat keempat pada 2001 manakala tahun lepas pasukannya menjuarai perlumbaan tetapi dengan barisan pemandu yang baru.

Selain berhasrat menjuarai perlumbaan, pasukan itu juga akan berlumba untuk tujuan amal bagi membantu Yayasan Hati Malaysia, Persatuan Thalasia Malaysia dan Rumah Anak Yatim Bangi.

"Penyertaan kami juga untuk mengumpul dana untuk tujuan amal dan kami meminta orang ramai menderma RM1 untuk setiap pusingan perlumbaan iaitu 260 pusingan. Hasilnya akan diderma secara sama rata kepada tiga badan kebajikan itu," katanya.

Perlumbaan MME, acara tahunan SIC sempena Hari Kebangsaan, merupakan perlumbaan selama 12 jam meliputi jarak 1,500km dan akan bermula 10 pagi pada 30 Ogos ini.

-- BERNAMA

AHA HK DC MAI